

21 APR 2003

SHELL-GAS/I

SHELL GAS DAN MITSUBISHI CORP BINCANG KEPENTINGAN EKUITI DENGAN PETRONAS

Oleh: Yong Soo Heong dan Siti Hawa Othman

BINTULU, 21 April (Bernama) -- Shell Gas B.V. dan Mitsubishi Corporation, yang sebelum ini pemegang saham Malaysia LNG (MLNG1), akan berbincang dengan Petronas untuk meneruskan kepentingan ekuiti dalam syarikat pengeluaran gas asli cecair itu, kata presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Kedua-dua syarikat itu adalah pemegang saham MLNG1 sebanyak 15 peratus setiap satu sejak Mac 1978 tetapi perjanjian ekuiti mereka telah luput pada 8 Feb tahun ini.

Kedua-dua Shell dan Mitsubishi adalah pemegang saham dalam MNLG2 manakala Shell juga mempunyai 15 peratus pegangan dalam MLNG3.

"Mereka telah menunjukkan minat dan kami sedang membincangkannya," kata Mohd Hassan kepada pemberita di taklimat mengenai Kompleks LNG bersepadu Petronas di Tanjung Kidurong, di sini.

Loji terbaru itu, MLNG3, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Mei.

Dengan pembukaan rasmi MLNG3, kompleks itu akan menjadi kemudahan pengeluaran LNG (gas asli cecair) tunggal terbesar di dunia.

Jumlah pengeluarannya dijangka sebanyak 23 juta tonne setahun dan pembeli utama adalah Jepun, Korea dan Taiwan.

MLNG1 dimiliki sebanyak 95 peratus oleh Petronas dan 5.0 peratus oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Kepada satu pertanyaan, Mohd Hassan berkata Petronas perlu kekal kompetitif kerana perniagaan LNG semakin sukar dan persaingan juga menjadi semakin sengit dengan pengeluar dan faktor-faktor baru yang muncul dalam pasaran.

"Kami perlu mencari cara baru untuk bersaing," katanya.

Beliau berkata persaingan menjadi sangat pantas apabila pengeluar-pengeluar baru muncul untuk mengambil kesempatan daripada kos pengeluaran rendah selepas kemunculan pasaran-pasaran baru seperti India dan China.

Sebagai contoh, beliau berkata Australia telah menjadi pesaing baru apabila ia memeterai kontrak LNG pertama dengan China baru-baru ini, menetapkan penanda aras baru dalam penetapan harganya (berikutan penetapan harganya yang rendah).

Pada masa yang sama, Mohd Hassan berkata negara-negara Asia Barat kini mula menyedari potensi rizab gas mereka.

"Berada di pesisiran pantai di mana ia adalah murah, mereka boleh bersaing di pasaran Asia Utara berikutan kos yang rendah," katanya.

Selain itu, kemunculan dagangan LNG semerta yang ketika ini menyumbang 10 peratus daripada perniagaan LNG global dan dijangka berkembang perlahan-lahan kepada 30 peratus akan menjadi persaingan tambahan dalam tempoh jangka panjang.

Bagaimanapun, Petronas yang menjadi syarikat global dengan keupayaan bertaraf dunia berada di kedudukan baik untuk menyahut cabaran masa depan, katanya.

Beliau berkata permintaan bagi LNG meningkat di Asia Utara manakala Eropah yang memiliki rangkaian saluran paipnya sendiri akan menjadi kawasan baru bagi pertumbuhan LNG.

Malaysia merupakan pengeluar LNG ketiga terbesar di dunia selepas Indonesia dan Algeria dan pembeli terbesarnya adalah Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Jepun menggunakan 55 juta tonne LNG setahun dan LNG Malaysia menyumbang 25 peratus daripada pasarannya, 49 peratus Taiwan dan 21 peratus daripada pasaran Korea Selatan.

"Sekiranya kita bersaing di arena global, kita perlu mendapatkan kedudukan sama-sama menang.

"Sekiranya kita mahu kekal kompetitif, kita mesti cari pasaran baru," katanya.

Beliau berkata dengan kemunculan peserta-peserta baru, Petronas perlu lebih fleksibel.

Beliau berkata banyak kelonggaran diperlu dan diminta oleh pelanggan dalam kontrak baru dan kerana hubungan yang sudah lama, kedua-dua pembeli dan penjual perlu menyesuaikan diri antara satu sama lain.

Malaysia, Brunei dan Indonesia berbincang antara satu sama lain bagi menangani cabaran-cabaran baru ini. -- BERNAMA

SHY/SHO MKO/MAD/MR ZK